

USIM, UTeM tingkat hubungan



Delegasi USIM ketika melawat Galeri UTeM di Bangunan Canselori Kampus Induk Durian Tunggal, Melaka baru-baru ini.

Durian Tunggal: Hubungan erat antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) negara ini perlu ditingkatkan melalui pelbagai aktiviti termasuk dialog, seminar serta lawatan kerja.

Kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkunjung ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) untuk meninjau dengan lebih dekat penguasaan sumber manusia yang dilaksanakan di universiti itu.

Antara lain, taklimat terperinci mengenai tugas, penempatan serta peranan jawatan itu dibincangkan

dengan mendalam selain perkongsian pengalaman urusan sumber manusia.

Penerangan dan perkongsian maklumat disampaikan Pegawai Tadbir Bahagian Pengurusan Sumber Manusia UTeM, Nur Fazilah Mohd Kassim, sementara taklimat latar belakang universiti serta lawatan sekitar Kampus Induk UTeM dikendalikan Pegawai Tadbir Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Mohd Khai-rulhusaini Mohd Saad.

Kongsi pengalaman

Ketua delegasi USIM, Mus-

norazlan Mustafa, berkata lawatan itu antara lain bertujuan mendapat penerangan mengenai skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir UTeM.

"Kunjungan ke UTeM adalah untuk melihat dengan jelas berkaitan fungsi, peranan serta laluan kerjaya Penolong Pegawai Tadbir. Kunjungan ini berjaya menambah kefahaman mengenai perjawatan Penolong Pegawai Tadbir yang juga elemen penting dalam kumpulan sokongan untuk dikongsi bersama pengurusan universiti kami," katanya.